

7 MAC 2023 | SEMINAR PERUNDANGAN STRATA 2023

Kelab INSTUN telah menganjurkan Seminar Perundangan Strata 2023 pada 7 Mac 2023 (Selasa) bertempat di PICC, Putrajaya. Penganjuran seminar kali ini bertujuan menjadi platform perbincangan antara pemain industri, pembuat dasar, pemaju, perbadanan pengurusan dan pemilik petak memahami dengan lebih mendalam mengenai peruntukan undang-undang khususnya melibatkan Akta Hakmilik Strata (Akta 318) dan Akta Pengurusan Strata (Akta 757).

Seminar kali ini telah menarik penyertaan sejumlah 113 orang peserta dari sektor kerajaan dan swasta antaranya pegawai dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT), Juruukur Perunding Services Sdn. Bhd., Nadi Cergas Development, Tropicana Corporation Bhd dan pelbagai agensi lain.

Objektif utama seminar adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai prosedur dan proses permohonan hakmilik strata, menambah pengetahuan mengenai kaedah penyediaan pelan cadangan strata, memperjelas amalan pengurusan skim strata terbaik dan memperbaiki amalan pentadbiran tanah mengikut perundangan berkuatkuasa (Akta 318 dan Akta 757).

Sepanjang sehari seminar berlangsung, barisan penceramah yang berpengalaman iaitu Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus, Puan Ilmiah binti Bakri, Sr Looi Kam Seng dan Sr Che Adzhan bin Che Adnan telah menyampaikan perkongsian yang padat dengan informasi menerusi 4 slot pembentangan merangkumi tajuk Permohonan Strata (SiFUS dan Pecah Bahagi Bangunan), Pelaksanaan Keluaran Milikan Kosong Serentak Dengan Pemilik Strata, Penyediaan Pelan Cadangan Strata/ Plan Strata dan Pengurusan Strata: Isu dan Cabaran.

Kejayaan penganjuran seminar ini adalah hasil kerjasama jitu barisan ahli jawatankuasa Kelab INSTUN Sesi 2021/2023 yang diterajui Ts. Aiesa bin Saad, Yang Dipertua Kelab INSTUN dengan sokongan padu dari Pengurusan Tertinggi dan warga INSTUN.

Seminar Perundangan Strata 2023 diharapkan menjadi titik pemula jaringan kerjasama dikalangan para peserta, penceramah dan pegawai INSTUN dalam menggalakkan perkongsian maklumat demi memperkasa ilmu pengurusan dan perundangan tanah negara.







